



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION  
JANUARY 2010 SESSION**

---

**SUBJECT CODE** : MPW 2143  
**SUBJECT TITLE** : PENGAJIAN ISLAM (ISLAMIC STUDIES)  
**LEVEL** : BACHELOR  
**TIME / DURATION** : 8.00pm – 10.00pm  
( 2 HOURS )  
**DATE** : 04 MAY 2010

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This questions paper consists of **THREE (3)** sections. Section A, B and C. Answer **ALL** questions in section A and B. For section C, answer **TWO (2)** questions only.
6. Answer **ALL** questions in Bahasa Melayu.

---

**THERE ARE 8 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.**

**Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Perbezaan utama di antara konsep *al-din* dan *religion* Barat ialah
  - A. pemisahan agama dan kehidupan.
  - B. ibadah, ketaatan, akhlak dan tamadun.
  - C. budaya, adat dan tamadun hidup.
  - D. hubungan sesama manusia dan alam.
  
2. Persoalan yang berkaitan terus dengan istilah dan konsep *aqidah* Islam ialah
  - A. perundangan dan hukum Islam.
  - B. keikhlasan dalam ibadah.
  - C. perkara sam'iyat.
  - D. ibadah khususiyah dan umumiyah.
  
3. Apakah kepentingan Ihsan kepada kehidupan seorang Muslim?
  - A. Meningkatkan kualiti amal.
  - B. Menguatkan pegangan *aqidah*.
  - C. Menyediakan panduan hidup kepada manusia.
  - D. Menentukan hukum halal dan haram sesuatu perbuatan.
  
4. Menurut pandangan *jumhur fuqaha'*, ciri utama negara Islam yang sempurna ialah
  - A. pelaksanaan undang-undang Islam.
  - B. keamanan dan keselamatan umat Islam terjamin.
  - C. pemimpin tertinggi negara beragama Islam.
  - D. majoriti rakyat terdiri daripada orang Islam.
  
5. Pilih kenyataan yang **tidak** berkaitan dengan prinsip *al-murunah*.
  - A. Tertakluk kepada perubahan semasa, tempat dan masyarakat.
  - B. Aspek perincian dalam pelaksanaan hukum syarak.
  - C. Amalan dalam perkara melibatkan ijtihad hukum.
  - D. Penetapan hukum berkaitan akhlak.

6. Berikut ialah ciri-ciri utama tasawwur Islam **kecuali**
- A. *al-din*.
  - B. *rabbani*.
  - C. realistik.
  - D. anjal.
7. Manakah kenyataan yang **tidak benar** mengenai al-Quran?
- A. Diturunkan secara berperingkat-peringkat selama 23 tahun.
  - B. Terkenal dengan beberapa nama seperti *al-Kitab*, *al-Furqan* dan *al-Zikr*.
  - C. Tidak dicatat pada zaman Rasulullah SAW, sebaliknya dipelihara melalui hafalan para sahabat.
  - D. Dikumpulkan dan ditulis dalam satu mushaf yang lengkap pada zaman Abu Bakr al-Siddiq.
8. Kenyataan yang **salah** mengenai konsep al-Sunnah ialah
- A. menyatakan hukum baru yang tidak terdapat di dalam al-Qur'an.
  - B. merangkumi kata-kata, perbuatan dan pengiktirafan Rasulullah SAW.
  - C. berperanan memperincikan kandungan ayat-ayat al-Qur'an yang umum.
  - D. Kemungkinan bercanggah dengan al-Qur'an dalam beberapa aspek yang kecil.
9. Contoh tindakan di dalam jihad mengawal hawa nafsu yang termasuk ke dalam pengertian *al-'Uzlah* adalah
- A. menjauhkan diri daripada mendekati tempat-tempat maksiat.
  - B. menjaga lidah daripada menyebarkan keburukan individu lain.
  - C. memperbanyakkan ibadah puasa bagi meningkatkan ketaqwaan.
  - D. menyertai majlis-majlis ilmu supaya hati sentiasa mengingati Allah.
10. Kaedah terbaik menguruskan jenazah orang yang mati syahid terbunuh di medan perang menurut pandangan jumbuh ulama ialah
- A. hendaklah dimandikan, dikafankan dan disolatkan.
  - B. tidak dimandikan, tidak dikafankan dan tidak disolatkan.
  - C. tidak dimandikan tetapi perlu dikafankan dan disolatkan.
  - D. tidak dimandikan, tidak dikafankan tetapi perlu disolatkan.

11. Kenyataan yang **salah** mengenai konsep nilai dalam Islam ialah
- A. mempunyai hubungan penting dengan akhlak.
  - B. berasaskan konsep *al-amru bi al-makruf wa al-nahyu 'an al munkar*.
  - C. meliputi tingkah-laku dan kelakuan manusia sepanjang masa.
  - D. berasaskan pandangan masyarakat dan pendapat majoriti.
12. Pilih contoh hukum yang diputuskan melalui kaedah *Qiyas*.
- A. Pengharaman arak atas sifatnya yang memabukkan.
  - B. Keharusan bertayammum bagi menggantikan air.
  - C. Pengharaman dadah kerana sifatnya yang menghilangkan kewarasan akal.
  - D. Batal wudhuk jika bersentuhan antara lelaki dengan wanita bukan mahram.
13. Baitul Hikmah yang dibina pada zaman kegemilangan kerajaan Bani Abasiyyah berfungsi sebagai
- A. pusat pengumpulan, peminjaman dan penterjemahan karya asing.
  - B. institusi pengajian Islam tertinggi yang melaksanakan sistem halaqat.
  - C. masjid utama dan pusat pendidikan tinggi dalam pelbagai bidang ilmu.
  - D. kuttub untuk mengajar para pelajar di peringkat awal ilmu-ilmu asas agama.
14. Kenyataan yang **salah** mengenai sistem pendidikan Islam di tanah Melayu ialah
- A. wujudnya sistem pengajian madrasah yang lebih sistematik.
  - B. lahirnya institusi *kuttub* yang berfungsi memberikan pendidikan asas agama.
  - C. anak-anak kecil dihantar belajar al-Qur'an di surau dan di rumah guru.
  - D. sistem pengajian pondok berkembang pesat di kawasan utara dan pantai timur semenanjung.
15. Larangan berkahwin dengan bekas isteri anak angkat dalam masyarakat Arab jahiliyyah terhapus selepas perkahwinan Nabi SAW dengan isteri baginda yang berikut.
- A. Ummu Habibah
  - B. Maymunah
  - C. Zainab
  - D. Juwairiyah
16. Perbezaan utama antara sistem ekonomi kapitalis dengan Islam adalah
- A. menerima konsep keuntungan dalam perniagaan.
  - B. memberi penekanan terhadap kebajikan masyarakat awam terbanyak.
  - C. memfokuskan aktiviti mengumpul kekayaan yang bersifat individualistik.
  - D. melarang pemilikan individu terhadap kegiatan pengeluaran penting negara.

17. Konsep hutang atau pinjaman yang **salah** mengikut kaedah Islam ialah
- tidak digalakkan membayar hutang dengan segera.
  - dibolehkan menangguhkan bayaran kepada tempoh tertentu.
  - pinjaman mesti dibayar balik dengan jumlah yang sama.
  - digalakkan memberi kelonggaran bayaran kepada penghutang yang gagal membayar mengikut tempoh ditetapkan.
18. Kesan - kesan kedatangan Islam ke Alam Melayu dari segi pembaharuan budaya adalah;
- Bahasa Melayu berkembang sebagai bahasa ilmu.
  - pemakaian secara meluas sistem tulisan Melayu – Arab (jawi).
  - perlaksanaan sistem kesultanan yang dipengaruhi ajaran Islam.
  - penulisan kitab – kitab agama dalam bahasa Arab seperti Sabil al-Muhtadin.
- I dan II.
  - I, II dan III.
  - I, II dan IV.
  - II, III dan IV.
19. Manakah kenyataan yang benar mengenai ijtihad?
- Hanya boleh dilakukan oleh para ulamak yang layak.
  - Hendaklah berdasarkan nas al-Qur'an dan al-Sunnah.
  - Pandangan yang terkuat di dalam sesuatu masalah fiqh.
  - Terdapat hasil ijtihad yang berbeza di dalam pelbagai masalah fiqh.
- I dan II.
  - I, II dan III.
  - I, II dan IV.
  - I, II, III dan IV.
20. Siapakah yang tergolong ke dalam kategori syahid akhirat?
- perempuan yang mati kerana sakit melahirkan anak.
  - orang yang mati kerana karam, tertimbus atau kebakaran.
  - orang yang mati kerana mempertahankan kehormatan keluarganya.
  - tentera yang mati di dalam peperangan menegakkan agama Allah SWT.
- III dan IV.
  - I, II dan III.
  - I, III dan IV.
  - I, II, III dan IV

**BAHAGIAN B (Jumlah: 30 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.****Soalan 1**

1. Nyatakan **dua** ciri agama Samawi.  
(2 markah)
2. Nyatakan **dua** tindakan yang perlu dilakukan untuk melengkapkan konsep tawakkal kepada Allah SWT.  
(2 markah)
3. Berikan definisi istilah muamalat dan munakahat.  
(2 markah)
4. Nyatakan **dua** masalah dalam maqasid al-syari'ah selain daripada dhoruriyyat.  
(2 markah)
5. Kemukakan **dua** peranan Hadith sebagai sumber hukum Islam.  
(2 markah)

**Soalan 2**

1. Nyatakan **dua** ciri khusus tamadun Islam .  
(2 markah)
2. Nyatakan **dua** faktor kejayaan dan kemajuan tamadun Islam.  
(2 markah)
3. Senaraikan **dua** peranan Khulafa' al-Rasyidin dalam pemerintahan Islam.  
(2markah)
4. Nyatakan **dua** golongan yang haram dikahwini sementara.  
(2 markah)
5. Nyatakan **dua** tanggungjawab isteri terhadap suami.  
(2 markah)

**Soalan 3**

1. Nyatakan **dua** kepentingan ilmu dalam Islam.  
(2 markah)
2. Nyatakan **dua** bahasa asing yang diterjemahkan ke bahasa arab oleh perpustakaan Islam zaman Bani Abbasiyyah.  
(2 markah)
3. Berikan **dua** prinsip institusi *Hisbah*.  
(2 markah)
4. Nyatakan **dua** sumber utama kewangan Baitul Mal.  
(2 markah)
5. Nyatakan **dua** tujuan institusi *al-Rahn* diwujudkan dalam Islam.  
(2 markah)

**BAHAGIAN C (Jumlah: 30 markah)**

**ARAHAN: Jawab DUA (2) soalan sahaja.**

**Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

**Soalan 1**

Kefahaman dan pegangan akidah yang kukuh amat penting dalam kehidupan moden era globalisasi.

Bincangkan kepentingan memahami Tauhid Uluhiyyah dan Rububiyah dalam kehidupan. Huraikan **tiga (3)** langkah yang perlu dilakukan dalam menangani ancaman gejala murtad yang semakin berleluasa dewasa ini di Malaysia.

(15 markah)

**Soalan 2**

Islam tidak menolak seni dan hiburan yang mengajak manusia kepada ketenangan, kerehatan dan hiburan untuk jiwa dengan syarat ia mestilah selari dengan dasar dan peraturan yang digariskan oleh Islam.

Huraikan **tiga (3)** batasan atau syarat yang mesti dijaga untuk menjadikan hiburan dan nyanyian tersebut sebagai *harus*. Jelaskan **dua (2)** sebab mengapa para ulamak Islam bersikap keras dan tegas terhadap hiburan dan nyanyian serta muzik.

(15 markah)

**Soalan 3**

Institusi perkahwinan dan kekeluargaan merupakan asas penting dalam pembinaan masyarakat dan negara mengikut asas dan acuan Islam.

Bincangkan **tiga (3)** kepentingan perkahwinan dan institusi kekeluargaan dalam Islam. Huraikan bagaimana Islam meletakkan garis panduan asas kepada suami dalam menangani konflik rumahtangga terhadap isteri yang *nusyuz*.

(15 markah)



**Soalan 4**

Peningkatan masalah sosial khususnya di kalangan remaja Islam amat membimbangkan. Terdapat sebahagian golongan masyarakat yang mengambil pendekatan kaunseling dan psikologi Barat untuk menangani masalah ini. Keadaan ini telah menimbulkan anggapan umum bahawa ajaran Islam tidak mampu menangani permasalahan sosial.

Kemukakan **tiga** garis panduan pertemuan antara lelaki dan wanita bukan Mahram yang telah ditetapkan Islam. Berdasarkan pemerhatian anda, huraikan **dua** sebab yang menyumbang ke arah peningkatan masalah sosial dalam masyarakat masakini.

(15 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**